

21/10/1999

Pemuliharaan alam sekitar perlu seimbang

Wan Jailani Razak

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapan ketika merasmikan Kongres Jalan Raya Dunia ke-XXI, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 3 Oktober lalu berkata, negara di seluruh dunia perlu menyeimbangkan keperluan antara pembangunan dengan alam sekitar bagi memastikan perkembangan mutu hidup diteruskan tanpa menggugat sumber asli yang semakin terhad.

Dalam mencapai matlamat itu, Perdana Menteri berkata, setiap negara perlu mencari keseimbangan tiga isu penting iaitu alam sekitar, ekonomi dan pilihan pengguna.

"Dilema yang dihadapi kebanyakan negara membangun ialah untuk menyeimbangkan keadaan antara pembangunan dan alam sekitar. Di Malaysia, pembangunan berterusan dengan penekanan kepada perlindungan alam sekitar telah diberi keutamaan dalam strategi pembangunan.

"Kami juga adalah peserta kepada pelbagai deklarasikan antarabangsa termasuk Deklarasi Langkawi 1989, yang diluluskan oleh Ketua-Ketua Kerajaan Negara Komanwel, dengan mendesak masyarakat antarabangsa menyertai usaha kami menangani kemusnahan alam sekitar yang semakin buruk," katanya.

Pandangan beliau begitu jelas dan harapannya amat tinggi. Persoalannya, berapa ramai antara kita menunjukkan kesungguhan berterusan membendung masalah pencemaran alam sekitar? Masalah alam sekitar ketika ini terlalu banyak diperkatakan. Banyak program kesedaran yang dilaksanakan hanya popular dalam jangka masa pelaksanaannya saja. Setelah program itu tamat, masyarakat kembali kepada keadaan asal tanpa lagi motivasi, malah terus lesu.

Yang jelas, persidangan mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar terus mendapat perhatian pemimpin dunia. Persidangan Perhutanan Dunia di Paris pada 1991, Persidangan Kedua Menteri-Menteri Negara Membangun pada April 1992 di Kuala Lumpur dan Persidangan Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada Jun 1992 jelas menggambarkan mustahaknya kehijauan alam sekitar dikembalikan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga mengisytiharkan 1988 sehingga 1997 sebagai Dekad Pembangunan Budaya Sedunia dengan memberi penekanan kepada persoalan kehijauan bumi dan alam sekitar sebagai perkara yang perlu diberi keutamaan.

Jika dalam pembangunan ekonomi, kita sering mendengar istilah semasa seperti anjakan paradigma, pembangunan berimbang dan pembangunan berkekalan bagi menggambarkan konsep pembangunan yang berterusan, istilah itu turut bermakna kepada pembangunan alam sekitar di negara ini.

Dalam hal ini, pertubuhan alam sekitar dan pengguna perlu menjelaskan isu sebenar tanpa terlalu dipengaruhi sentimen Barat yang seolah-olah 'menyesal dan bertaubat' kerana sudah menghancurkan alam sekitar mereka sendiri.

Gaya hidup mewah di Barat dikenal pasti sebagai punca kemusnahan sumber alam sekitar. Kerana itu, tuntutan agama dan moral yang mengkehendaki umatnya mengamalkan gaya hidup sederhana dan melarang pembaziran adalah wadah yang dapat menghadkan masalah alam sekitar melampaui sempadan antarabangsa.

Keperluan memulihara alam sekitar perlu dilihat dari sudut seimbang dan perhatian yang sewajarnya perlu diberikan dalam menggalak dan mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi termasuk pembasmian kemiskinan,

memenuhi keperluan asas dan meningkatkan taraf kehidupan.

Justeru, menjelang alaf baru, gaya hidup sederhana mesra alam bagi melahirkan satu generasi yang cintakan fauna dan flora seutuhnya, perlu diterapkan. Penyuburan rasa cinta kepada kehijauan alam boleh dipupuk melalui ekopelancongan. Ledakan promosi pelancongan alam semula jadi meruntun keghairahan manusia untuk melihat kebesaran ciptaan Allah.

Selain itu, konsep berbudi kepada alam sekitar perlu menjadi teras kerangka pembangunan manusia seterusnya. Kini istilah hijau tidak sekadar melambangkan warna tumbuh-tumbuhan tetapi mencakupi kesejahteraan dunia yang kembali kepada sifat asal alam, iaitu murni dan suci.

Oleh itu, kebijaksanaan menguruskan alam sekitar tanpa menjejaskannya, dan mutu kehidupan masa depan harus diberi keutamaan. Masyarakat harus disedarkan semula bahawa pembangunan tidak hanya diukur melalui pendapatan perkapita atau KDNK. Sebaliknya menjangkau aspek kesejahteraan manusia serta alam sekelilingnya.

Allah tidak mencipta sesuatu tanpa sebab dan kerana ia ada di situ, kita perlu mengungkap segala rahsia dan khazanah di sebalik ciptaan-Nya. Alam sekitar adalah mengenai gedung ilmu yang penuh dengan bahan pendidikan dan penyelidikan. Masyarakat memainkan peranan yang penting dalam pemuliharaan alam sekitar.

Kewujudan akta pula diharap dapat menjana rasa 'hormat' kepada warisan sejagat ini. Selain menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam Sekitar, pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan mengurus kualiti alam sekitar di negara ini, perlu terus bekerjasama dengan agensi kerajaan lain dan pihak berkuasa tempatan dalam menangani masalah berkaitan dengan alam sekitar menerusi input dan khidmat nasihat perancangan pembangunan.

Di arena pengurusan alam sekitar antarabangsa, Langkawi dikenali apabila Deklarasi Langkawi mengenai alam sekitar dipersetujui bersama ketua-ketua kerajaan Komanwel pada 1989.

Sehubungan itu, sepanjang 1998, keadaan mutu alam sekitar di Langkawi, dari segi udara, air, daratan dan pengairan pesisiran pantai terus diawasi dengan tujuan menilai perubahan kualiti segmen masing-masing dan mengenal pasti punca penyumbang pencemaran berkaitan.

Menurut Ketua Cawangan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Langkawi, Dalilah Dali, tiga persampelan dan penganalisaan data air sungai dijalankan pada Mac, September dan November 1998 oleh Alam Sekitar Malaysia Berhad (Asma) di tiga stesen pengawasan di pulau itu iaitu Sungai Kisap, Sungai Petang dan Sungai Ulu Melaka.

Secara amnya, kata beliau, mutu air di tiga sungai di Langkawi boleh dikategorikan sebagai bersih berdasarkan kepada Indeks Kualiti Air Negara (Ika) sepanjang 1998. Bacaan di ketiga-tiga sungai itu mencatatkan bacaan Ika melebihi 80. Terdapat peningkatan dari segi kualiti air bagi semua sungai terutama Sungai Melaka yang menurun daripada kategori bersih (Ika 80) pada Disember 1997 kepada tercemar (Ika 58) pada Mac 1998.

"Antara faktor utama terhadap peningkatan pencemaran yang dikesan pada Mac tahun lalu ialah bertambahnya beban pencemaran seperti Pepejal Terampai (SS), Ammoniakal Nitrogen, dan berkurangnya Oksigen Terlarut akibat daripada pendawasan dan kuantiti air yang rendah ketika itu," katanya.

Perbandingan pengkelasan sungai mengikut jenis kegunaan adalah berdasarkan cadangan Piawaian Interim Kualiti Air Kebangsaan Malaysia.

Di Langkawi juga, katanya, sebanyak enam program pengawasan dijalankan sepanjang tahun lalu dengan jumlah 330 sampel diambil dari 11 stesen pengawasan marin. Sampel itu kemudian dihantar ke JAS Langkawi untuk penganalisaan data. Data yang diperolehi kemudian dianalisis dan dibandingkan dengan standard Interim Kualiti Marin yang dicadangkan.

Secara am juga, kualiti air laut di perairan Pulau Langkawi masih mematuhi Standard Interim yang dicadangkan. Analisis data yang diperolehi menunjukkan pantai yang mempunyai aktiviti dan ketumpatan pembangunan yang tinggi seperti Jeti Kuah, Pantai Kuah, Pantai Tengah dan Pantai Teluk Ewa mempunyai paras pencemar yang lebih tinggi berbanding dengan pantai yang kepadatan pembangunan yang rendah.

Kejadian tumpahan minyak di Teluk Ewa pada Julai 1998, katanya, menyedarkan pihaknya betapa pentingnya kerjasama semua pihak dan satu sistem komunikasi serta mobilasi pelan tindakan berkesan diwujudkan.

Kesimpulannya, alam sekitar lebih dilihat sebagai sumber ekonomi semata-mata sebelum tahun 1990-an. Pada amnya, alam sekitar meliputi keadaan luaran yang mempengaruhi kehidupan individu, organisme serta penduduk. Alam menyediakan sesuatu yang berharga kepada manusia seperti udara dan air untuk minuman dan rekreasi, bahan galian, tanah yang subur untuk pertanian serta minyak untuk bahan api. Pendek kata, alam memberi kehidupan yang ceria untuk mahkluk-Nya.

Adalah diharap menjelang alaf baru, masyarakat dunia akan terus memperlihatkan sikap dan perhatian yang lebih menghargai keperluan dan kepentingan alam sekitar, khususnya dalam hubungan dengan persoalan kesejahteraan manusia sejagat.

(END)